



07 JAN, 2023

## STRATEGI LAHIR PETANI MODEN



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

# STRATEGI LAHIR PETANI MODEN

Bernama

Kuala Lumpur

**A**plikasi Pengurusan Estet Digital (Dema) milik Nectar Consortium Sdn Bhd direka khusus bagi membantu menangani kekurangan tenaga kerja selain menggalakkan penyertaan lebih ramai warga tempatan dalam sektor pertanian dengan memanfaatkan teknologi syarikat itu.

Dema yang dilancarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada Julai 2022 juga bermatlamat untuk membantu pengendali ladang mengurus data lapangan secara lebih pantas serta mudah.

Pengarah Urusan syarikat itu, Ahmad Tarmizi Mukhtar berkata, penyelesaian digital itu dapat mengurangkan kos operasi selain meningkatkan hasil secara purata



*Masalah yang dihadapi sekarang kebergantungan ketara terhadap tenaga kerja asing bagi sektor perlادangan dan pertanian”*

**Ahmad Tarmizi Mukhtar**

30-40 peratus.

“Masalah yang dihadapi sekarang kebergantungan ketara terhadap tenaga kerja asing bagi sektor perlادangan dan pertanian.

“Menerusi Dema, kami menyasarkan pembabitan warga tempatan serta me-

manfaatkan tanah yang ada dengan menyertai kontrak ladang ditawarkan oleh Nectar. Pada akhirnya, mereka dapat memiliki ladang serta menjadi pemilik perniagaan,” katanya dalam satu ke-

nyataan, baru-baru ini.

Ahmad Tarmizi berkata, idea sebenar di sebalik pen-digitalan perniagaan perlادangan itu adalah bagi memperkemas keseluruhan proses berkaitan selain menarik pekerja muda serta membolehkan komuniti perniagaan melihat sektor berkenaan sebagai usaha yang menguntungkan.

“Pada masa ini, terdapat kelompok pekerja muda dalam sektor e-panggilan yang tidak hanya memenatkan tetapi adalah pekerjaan yang membahayakan.

“Sebaliknya, syarikat ini menawarkan alternatif lebih pintar yang membolehkan tenaga muda ini memanfaatkan teknologi selain dapat memperkasa sektor jaminan keselamatan makanan,” katanya.

Ahmad Tarmizi berkata, pengguna Dema akan mendapat akses terhadap aplikasi itu menerusi peranti mudah alih masing-masing pada bila-bila masa bagi menjelaki serta mengendalikan perniagaan mereka.

Ini termasuk membolehkan pemilik tanah atau bangunan untuk bekerjasama dengan petani Nectar bagi memajukan pertanian menggunakan sistem Teroka yang juga versi mini Dema.



07 JAN, 2023

## STRATEGI LAHIR PETANI MODEN

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Ber n a m a Kuala Lumpur Aplikasi Pengurusan Estet Digital (Dema) milik Nectar Consortium Sdn Bhd direka khusus bagi membantu menangani kekurangan tenaga kerja selain menggalakkan penyertaan lebih ramai warga tempatan dalam sektor pertanian dengan memanfaatkan teknologi syarikat itu. Dema yang dilancarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada Julai 2022 juga bermatlamat untuk membantu pengendali ladang mengurus data lapangan secara lebih pantas serta mudah.